

FPP BizNewz

December 2020 – May 2021

MANAGEMENT • INVESTMENT • ECONOMICS • ENTREPRENEURSHIP • TECHNOLOGY

**TRIBUNAL TUNTUTAN
PEMBELI RUMAH:**
Pembeli vs Pemaju
Perumahan

Is Working from Home
a Dream-Come-True
for Introverts or
Vice Versa?

Market Reaction to
PRIVATE PLACEMENT

BELAJAR DENGAN
TikTok

HIBAH:
Alternatif kepada
Pengurusan Aset
Islam di Malaysia

BENGKEL PEMANTAPAN
**PENULISAN ARTIKEL
UNTUK PENERBITAN**

**BERSELAWATLAH,
TANDA KASIH KEPADA
RASULULLAH S.A.W.**

E-DOMPET
DI MALAYSIA:
SATU TINJAUAN

ONE JOURNEY
COMES TO AN END
AND ANOTHER **BEGINS**



Photo by:
M Rishal
on Unsplash

e-Bulletin of the Faculty of Business and Management, UiTM Cawangan Terengganu
eISSN 2600-9811



COVID-19: DALAM MUSIBAH TERSELITNYA IBRAH

Nor Fadzilah Zainal
Nor Hidayah Harun

Fakulti Pengurusan Perniagaan
UiTM Cawangan Pulau Pinang

Pandemik COVID-19

yang mengancam kesihatan penduduk dunia sejak Disember 2019 sehingga kini telah meragut jutaan nyawa. Kesannya seluruh sistem kehidupan manusia telah berubah secara mendadak daripada aspek keagamaan, sosial, ekonomi, hubungan dalam dan luar negara, budaya dan lain-lain. Malah norma kebiasaan hidup harian setiap individu juga terkesan dan diganti dengan norma baharu dalam menangani isu COVID-19 ini.

Photo by:
Clay Banks
on Unsplash

"Tiadalah menimpa sesuatu musibah melainkan dengan izin Allah S.W.T., siapa yang beriman kepada Allah S.W.T. akan diberi petunjuk kepadanya dan Allah SWT mengetahui atas segala sesuatu".

Daripada petikan ayat ini, Timbalan Mufti Terengganu, Sahibul Fadilah Ahadi Othman menjelaskan bahawa manusia yang beriman percaya musibah besar ini sebagai rahmat sudah pasti akan bersangka baik bahawa wabak COVID-19 ini adalah ruang untuk Allah S.W.T. melipat gandakan lagi ganjaran kepada hambanya yang sabar. Tapi jika kita tidak beriman dan masih mengukuri nikmat yang Allah S.W.T. bagi selama ini, maka tidak mustahil apa yang terjadi ini adalah bencana yang diturunkan kepada seluruh umat tanpa mengira sama ada mereka beriman ataupun sebaliknya, (Harian Metro, 20 April 2020).

UJIAN

Kebanyakan masyarakat Islam menyangka bahawa ujian Allah S.W.T. adalah musibah, malapetaka, tragedi atau bala bencana yang menimpa sesiapa sahaja menurut kehendak Allah S.W.T. Tetapi sebenarnya ujian Allah S.W.T. itu merangkumi segala bentuk kesusahan dan kesenangan. Setiap manusia pasti akan menerima ujian daripada Allah S.W.T. samada berupa musibah atau nikmat. Selain itu, Allah S.W.T. akan beri setiap manusia ujian yang berbeza-beza mengikut kemampuan setiap manusia untuk menghadapinya.

Allah S.W.T. menguji manusia dalam tiga perkara utama iaitu dari segi perintah dan larangannya, kesusahan atau musibah serta kesenangan atau kenikmatan. Bagi bentuk ujian perintah dan larangannya, Allah S.W.T. menurunkan Islam sebagai cara hidup yang mesti dipatuhi oleh semua umat Islam, sama ada berbentuk perintah

Apa yang berlaku ini sememangnya ujian berat bagi manusia sejagat. Namun, kehidupan tetap perlu diteruskan dalam apa jua keadaan. Dalam keadaan sebegini, usaha individu untuk mencari rahmat daripada Tuhan adalah lebih penting bagi mengharungi ujian yang telah diberikan oleh Allah S.W.T. ini. Segala yang terjadi ini adalah di bawah pengetahuan Allah S.W.T., tiada siapa pun dapat melangkaui ilmu Allah SWT.

Firman Allah S.W.T. dalam *Surah al-Taghaabun* ayat 11 yang bermaksud:

atau larangan-Nya. Maka, semua itu merupakan ujian kepada hambaNya bagi menentukan apakah mereka benar-benar mengakui dan menerima Islam sebagai pegangan hidup atau sebaliknya. Bentuk ujian yang kedua pula merupakan kesusahan atau musibah. Pelbagai ujian diberikan oleh Allah S.W.T. kepada manusia dalam bentuk kesusahan. Antaranya seperti ketakutan, kelaparan, dan kematian. Selain itu, berlaku juga kekurangan, kehilangan jiwa, kemusnahan atau kerosakan harta benda dan sebagainya. Bentuk ujian yang ketiga merupakan kesenangan atau kenikmatan. Allah S.W.T. menganugerahkan manusia dengan pelbagai nikmat dan kurniaan, jika ingin menghitungnya nescaya tidak terhitung nikmat Allah S.W.T. yang begitu banyak. Hal ini kerana semua kesenangan dan kenikmatan itu merupakan ujian Allah S.W.T. kepada hambaNya, sejauh mana manusia menggunakannya dengan cara yang betul dan bersyukur.

Ujian juga adalah guru yang tidak bercakap, tetapi ia sangat mengajar dan mendidik. Ujian kecil apalagi yang besar adalah takdir Allah S.W.T. yang mempunyai maksud tertentu. Tetapi, oleh kerana kejahilnya manusia, apabila ditimpa ujian samada secara langsung dari Allah S.W.T. atau melalui orang lain, manusia mula melatah. Terasa Allah S.W.T. tidak adil, sengaja hendak menyusahkan atau menyalahkan orang yang mendatangkan ujian tersebut. Seterusnya hati akan terus berdendam dan sentiasa berburuk sangka kepada Allah S.W.T. yang mendatangkan ujian itu. Hal ini seringkali terjadi kerana masih ramai kalangan umat Islam yang kurang jelas apakah tujuan ujian di turunkan kepada mereka terutamanya bagi ujian berbentuk kesusahan (Rahman, Dawam & Azhar, 2020). Hani Sa'ad Ghunaim menyatakan ujian yang diberikan Allah S.W.T. mempunyai beberapa tujuan iaitu bagi menguji kesabaran orang yang diuji,

menyucikan dosa hamba yang diuji dan meningkatkan darjat orang yang diuji (Rahman, Dawam & Azhar, 2020). Rasulullah S.A.W. bersabda:

"Tidaklah seorang Muslim tertimpa suatu penyakit dan sejenisnya, melainkan Allah S.W.T. akan menggugurkan bersamanya dosanya seperti pohon menggugurkan daun-daunnya".

(HR Bukhari dan Muslim)

Dapat dilihat disini bahawa terdapat kaitan antara ujian dengan tahap keimanan seseorang manusia. Ini bermakna, setiap kali manusia diuji, keimanannya akan menjadi penentu sama ada dia mampu menghadapi ujian tersebut dengan redha atau tidak. Maka lebih berat ujian yang dihadapi, semakin tinggi keimanan yang perlu diraih untuk berjaya mengharunginya.

SIKAP MANUSIA MENGHADAPI UJIAN ALLAH S.W.T.

Untuk mendapat kebaikan dari sesuatu ujian, mestilah bermula dengan bersangka baik kepada Allah S.W.T. Apabila bersangka baik kepada Allah S.W.T., maka hati menjadi tenang dan fikiran menjadi lapang. Segala emosi dan pengurusan diri akan menjadi tenteram. Namun, seandainya perasaan bersangka buruk itu hadir jua, sebagai seorang muslim perlu kuat untuk cuba melawan perasaan tersebut. Seterusnya ingatlah bahawa Allah S.W.T. menurunkan ujian sebagai didikan kepada hamba-Nya untuk lebih mendekatkan diri kepada Tuhan Yang Maha Pencipta. Sekiranya kita sentiasa rasa selamat dan selesa dengan tahap iman yang sedia ada, sedangkan diri kita belum berada di tempat yang betul di sisi Allah S.W.T., maka sebab itulah Dia menurunkan ujian untuk memperbetulkan keadaan diri kita.

Allah S.W.T. sayang pada kita, jauh sekali Allah S.W.T. takdirkan ujian hanya untuk menyusahkan hamba-Nya. Sebagai contoh, mungkin kita akan



sombong dan bakhil kalau dikurniakan harta melimpah ruah, maka Allah S.W.T. didik kita dengan kemiskinan. Contoh kedua ialah kadangkala Allah S.W.T. dedahkan dosa yang dilakukan hingga ramai orang tahu. Ini bukan untuk menghina, tetapi untuk memberi ingatan supaya manusia bertaubat dan tidak meneruskan perbuatan dosa itu sehingga bila-bila. Manakala contoh ketiga pula ialah apabila manusia diuji dengan kesakitan, Allah S.W.T. mahu memberitahu bahawa bagitulah susah dan menderitanya orang yang sedang sakit. Semoga kita menjadi orang yang bertimbang rasa, menziarahi dan

membantu mereka yang menderita sakit.

Setiap musibah dan bencana yang menimpa, sewajarnya dijadikan renungan dan muhasabah diri dengan memperbanyakkan doa, berikhtiar, tawakal, bersabar dan redha dengan ketentuan Allah S.W.T.. Bagi orang yang Allah S.W.T. kasih, di dunia lagi Allah S.W.T. telah hukum, tidak di akhirat kerana penderitaan di Neraka berpuluh-puluh kali ganda lebih dahsyat daripada penderitaan di dunia. Sekiranya kita telah dihukum di dunia lagi, kita patut bersyukur kerana



“

Walaupun kita perlu redha dengan setiap ketetapan Ilahi, kita tetap berkewajipan untuk sentiasa berusaha, berdoa, dan bertawakal.

Photo by:
Mulyadi
on Unsplash

apabila kembali ke akhirat, kita telah bersih daripada dosa. Sekiranya kita boleh bersabar dan redha, maka itulah ganjaran pahala untuk kita. Sebaliknya kalau kita tidak boleh bersabar dan tidak redha, malah merungut-rungut, mengeluh dan memberontak, hanya akan menambahkan lagi dosa kita.

Sabar dan redha bagi sesetengah individu mungkin senang untuk dituturkan di bibir, tapi belum tentu itu yang benar-benar melekat di jiwa. Maka, berusaha untuk melahirkan sifat sabar dan redha dalam diri. Sabar dan redha juga merupakan salah satu pemberian dari rasa kecintaan manusia kepada Allah S.W.T. Malahan, redha juga merupakan darjat yang tertinggi dalam kalangan orang-orang muqarrabin (yang mendekatkan diri dengan Allah S.W.T.). Ustazah Asma' Harun menyatakan redha itu adalah langkah pertama menuju jalan penyelesaian, dan juga anak kunci kepada ketenangan (Mingguan Wanita, 3 Disember 2019).

Walaupun kita perlu redha dengan setiap ketetapan Ilahi, kita tetap berkewajipan untuk sentiasa berusaha, berdoa, dan bertawakal. Kita tidak tahu apa yang Allah S.W.T. tulis dalam Loh Mahfuz tentang penyudahan hidup kita. Oleh itu selagi hidup, selagi jantung masih berdenyut dan nadi bergerak, kita wajar berusaha sebaik mungkin untuk mengubah keadaan kita ke tahap yang lebih baik. Ketika diri diuji, Allah S.W.T. mahu kita mendekatkan diri dan bergantung sepenuhnya kepada Allah S.W.T. dengan memantapkan ibadah solat, zikir dan sentiasa berdoa kepada Allah S.W.T. supaya menjadi lebih soleh serta dapat meningkatkan lagi ketakwaan kepada Allah S.W.T.. Doa merupakan senjata ampuh seorang Mukmin apabila berada pada saat genting, lebih-lebih lagi apabila ditimpa musibah yang berlaku di luar jangkaan.

KESIMPULAN

Sebagai umat Islam, seharusnya kita mengambil pengajaran dan hikmah daripada musibah COVID-19 ini. Dalam kata lain, setiap yang berlaku dalam kehidupan bagi orang yang beriman, sarat dengan hikmah dan bukanlah sia-sia. Amatlah rugi jika seorang Muslim hanya beranggapan bahawa virus COVID-19 ini adalah jangkitan penyakit semata-mata. Bahkan, yang lebih utama ialah Allah S.W.T. memperlihatkan kepada manusia bahawa Dialah yang mempunyai kuasa untuk menghidupkan sesuatu, mencipta, mematikan dan melenyapkan. Manusia pula, yang berusaha sedaya upaya untuk mengelak daripada wabak ini sebenarnya lemah dan tidak berupaya melainkan berusaha dan berterusan memohon doa kepadaNya. Kesabaran dalam doa dan usaha inilah yang menjadi kunci tawakkal seorang hamba.

Usahlah disebabkan ujian dari Allah S.W.T., kita bertambah jauh daripadaNya, mengeluh dan menyesali takdir Allah S.W.T.. Terimalah segala ujian yang besar mahupun yang kecil sebagai satu didikan terus dari Allah S.W.T. dan ingatlah, andaikata kita diuji, kita masih wajib bersyukur kerana masih ada 1001 jenis nikmat lain yang Allah S.W.T. kurniakan kepada kita. Jadi mengapa mesti merungut ketika diuji? Dalam kelalaian manusia ada pengampunannya, di sebalik musibah ada hikmahnya. Begitu juga ujian Allah S.W.T. yang besar ini ada rahmat-Nya.

• • •

Rujukan:

1. Mingguan Wanita (3 Disember, 2019). Bila Diuji Redha Langkah Pertama Menuju Penyelesaian, Kunci Pintu Ketenangan. Artikel Penuh: <https://www.mingguanwanita.my/bila-diuji-redha-langkah-pertama-menuju-jalan-penyelesaian-kunci-pintu-ketenangan/>
2. MyMetro (20 April, 2020). Covid-19 Bukan Bala Sebaliknya Ujian. Artikel Penuh: <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/04/568903/covid-19-bukan-bala-sebaliknya-ujian>
3. Syed Mohammad Hilmi Syed Abdul Rahman, Rohaida Mohammed Dawam, & Muhammad Hazim Mohd Azhar (2020). Memahami Konsep al-Ibtla' Dalam Islam Menerusi Konsepsi, Klasifikasi, Bentuk, Tujuan dan Manfaat. Online Journal Research In Islamic Studies, Vol. 7 No. 1 (2020): 31-45.



FPP BizNewz

December 2020-May 2021
Faculty of Business and Management
UiTM Cawangan Terengganu
eISSN 2600-9811